

07/03/2003

Langkawi panas terik tapi pemancing tetap komited

PANAS di Langkawi bukan main teriknya. Dari pagi hingga ke petang (jam 7 petang) bahang panas masih terasa terutamanya di hujung benteng pemecah ombak Langkawi Lagoon.

Ketika kali pertama Wak berada di hujung benteng pemecah ombak berkenaan petang Jumaat lalu, Wak berasakan amat sukar untuk menjayakan pertandingan memancing yang dijadualkan pada pagi Sabtu (1 Mac). Kerisauan Wak ditambah dengan pengakuan beberapa rakan di Langkawi yang menyatakan tak sanggup berpanas sepanjang hari di situ. Maksudnya, mereka tak akan bertanding!

Pagi Sabtu, seawal jam 4.30 pagi, semua anggota Team Joran sudah bersiap untuk bertugas. Namun peserta yang dinanti tak kunjung tiba sehinggalah jam 6.30 pagi. Selepas itu, peserta mula berpusu-pusu tiba. Wajah muram anggota Team Joran berubah ceria. Wak dan rakan-rakan memulakan tugas masing-masing. Yang jadi hakim dengan timbangnya, yang jadi marsyal dengan waran dan walkie-talkienya manakala yang jaga pendaftaran dengan buku resitnya. Semuanya komited dengan tugas masing-masing.

Alhamdulillah, kebimbangan Wak tak jadi kenyataan apabila lebih 300 peserta memenuhi benteng pemecah ombak berkenaan. Malah sehingga jam 9.30

pagi pun masih ada peserta yang tiba dengan joran masing-masing untuk mengambil bahagian. Empat buah van dan beberapa buah buggy yang disediakan

Langkawi Lagoon untuk membawa peserta ke lokasi memancing di hujung benteng pemecah ombak, tak henti berulang-alik membawa peserta. Malah ada

yang sanggup berjalan kaki ke hujung beting sejauh 2.7 kilometer itu untuk

cepat sampai. Namun mereka akhirnya menaiki kenderaan yang disediakan apabila mendapati perjalanan terlalu jauh.

Jam 8 pagi dinanti penuh tabah oleh semua peserta. Pun begitu perasmian

permulaan pertandingan hanya dilakukan pada jam 8.30 pagi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Wak tabik dengan orang Langkawi dan semua peserta yang sabar menanti siren dibunyikan. Walaupun terlewat sedikit, namun Wak tak dengar pun jerit pekik kaki pancing meminta pertandingan dimulakan segera. Mereka sabar dan faham bahawa penganjur bukan saja-saja nak melewatkan masa pertandingan.

Wak yakin kalau di tempat lain, pasti ada suara-suara sumbang yang menyatakan itu dan ini supaya pertandingan dimulakan segera. Jerit pekik memang dah selalu Wak dengar di mana-mana ada pertandingan memancing. Mereka bukan tak faham, tapi saja-saja tak nak faham kerana kepentingan diri melangkaui kepentingan orang lain, khususnya penganjur.

Kejayaan penganjuran di Langkawi sebenarnya di luar jangkauan Wak. Ini kerana JORAN pernah melalui pengalaman pertama yang tak berapa manis di

pulau pelancongan itu pada 1998. Malah beberapa pertandingan selepas itu oleh penganjur lain, sangat tidak begitu berjaya. Wak dengar ada pertandingan yang dibatalkan pada saat akhir sebab tak dapat sambutan.

Wak harap selepas ini Langkawi Lagoon akan merintis jalan lebih selesa ke arah penganjuran lebih gemilang. Ini kerana jika kedua-dua belah benteng pemecah ombak berkenaan digunakan untuk pertandingan, Wak yakin satu rekod penyertaan mampu dicatatkan. Mungkin lebih 2,000 peserta. Itupun jika hadiah yang ditawarkan lumayan dan tarikh serta masanya bersesuaian.

Apapun Wak nak panjangkan ucapan tahniah buat MK Land, Langkawi Lagoon dan kakitangannya yang memberikan sokongan padu bagi menjayakan pertandingan ini, khususnya orang kuat - Felina, Roslan dan yang lain yang memberikan kerjasama penuh kepada anggota Team Joran. Tak lupa buat Abdullah (Dollah) dari Bukit Merah Lake Town yang ditugaskan khusus bagi menjadi moderator MK Land untuk pertandingan ini.